

23/06/2002

Anak saudara, kakak PM terkejut

ALOR STAR: Anak saudara Perdana Menteri, Kalsom Abdul Ghani, bersyukur apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak pengumuman peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno.

Kalsom berkata, beliau terkejut apabila Dr Mahathir membuat pengumuman yang tidak disangka-sangka ketika mengikuti ucapannya melalui televisyen di Pusat Perubatan Kedah (KMC), di sini.

Katanya, ketika itu, beliau menemani ibunya yang juga kakak Dr Mahathir yang sakit tua, Habsah Mohd Iskandar dan sebaik saja Dr Mahathir membuat pengumuman itu, beliau dan ibunya terkejut.

"Ketika itu saya dan ibu mengikuti ucapan Dr Mahathir. Saya terkejut dengan pengumuman itu. Begitu juga ibu saya.

"Saya fikir, Perdana Menteri sedih dan marah dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan pihak tidak bertanggungjawab, terutama kononnya Dr Mahathir adalah pengkhianat bangsa Melayu.

"Saya menenangkan ibu. Saya minta beliau bersabar. Kami bersyukur apabila Timbalan Perdana Menteri membuat pengumuman MT menolak peletakan jawatan Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kalsom berkata, sebaik saja Perdana Menteri membuat pengumuman itu, bilik ibunya dipenuhi doktor dan jururawat bagi memastikan Habsah tidak mengalami kejutan yang boleh menjejaskan kesihatannya.

"Ibu berjaya ditenangkan. Meskipun pada awalnya, beliau terkejut, alhamdulillah, keadaan beliau stabil," katanya.

Beliau berkata, sebaik saja pengumuman itu, beliau menerima panggilan daripada sepupu dan saudara maranya yang jelas terkejut dengan pengumuman yang tidak disangka-sangka itu.

Katanya, beliau dan anggota keluarga Habsah yang lain, meminta semua pihak, terutama yang sering melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Perdana Menteri supaya berhenti berbuat demikian.

(END)